

TABLET CIMULCER / TABLET CIMULCER (400 mg)

Cimetidine 200 mg / Cimetidine 400 mg

<p><u>Apakah yang ada pada risalah ini</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah kegunaan TABLET CIMULCER 2. Sebelum mengambil TABLET CIMULCER 3. Cara menggunakan TABLET CIMULCER 4. Kesan-kesan sampingan 5. Cara penyimpanan dan pelupusan TABLET CIMULCER <p><u>Apakah kegunaan TABLET CIMULCER</u></p> <p>Rawatan gastrik dan ulser duodenum. Keadaan lain yang berkaitan dengan hiperasiditi gastrik, iaitu sindrom Zollinger-Ellison.</p> <p><u>Bagaimana TABLET CIMULCER berfungsi</u></p> <p>Cimetidine ialah antoganis histamine H₂-reseptor yang bertindak untuk mengurangkan penghasilan asid secara semula jadi dalam perut dan juga mengurangkan pengeluaran gastrik yang dirangsang oleh makanan.</p> <p><u>Sebelum mengambil TABLET CIMULCER</u></p> <p><i>Bila tidak boleh mengambil</i></p> <p>Jika anda hipersensitif (alergik) terhadap cimetidine atau mana-mana bahan kandungan TABLET CIMULCER yang lain.</p> <p><i>Sebelum mula mengambil</i></p> <p>Sila maklumkan doktor sebelum mengambil TABLET CIMULCER jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Anda menderitai atau telah menderitai pada masa lalu penyakit ginjal atau hati. - Anda mempunyai sejarah ulser peptik, terutamanya jika anda mengambil ubat anti-inflamatori bukan steroid (NSAIDs), contohnya: aspirin, ibuprofen, naproxen, diclofenac. - Anda mengambil dadah atau anda menghidap penyakit yang boleh menyebabkan jatuhnya jumlah kiraan sel darah. - Anda berumur pertengahan atau lebih, dengan simptom senak yang baru atau baru-baru ini berubah (contohnya: sakit perut atau perut tidak selesa, pedih hulu hati), sebab lain bagi simptom anda seperti kanser perut, hendaklah dikecualikan. <p><i>Jika mengambil ubat-ubat lain</i></p> <p>Sila maklumkan doktor atau ahli</p>	<p><u>Cara menggunakan TABLET CIMULCER</u></p> <p><i>Barapa banyak harus diambil Gastrik dan Ulser Duodenum:</i></p> <p>Dewasa: 200 mg 3 kali sehari selepas makan dan 400 mg sebelum tidur atau 400 mg dua kali sehari pada waktu sarapan dan sebelum tidur atau 800 mg sekali sehari sebelum tidur untuk 4-6 minggu atau sebagaimana yang diarahkan oleh doktor.</p> <p><i>Sindrom Zollinger-Ellison:</i></p> <p>Dewasa: 200- 400 mg, 3-4 kali sehari selepas makan dan 400 mg sebelum tidur.</p> <p><i>Bila perlu diambil</i></p> <p>Sentiasa mengambil TABLET CIMULCER tepat sebagaimana yang diarahkan oleh doktor. Tablet ini harus diambil dengan makanan dan sebelum tidur serta ditelan seluruhnya dengan segelas air.</p> <p><i>Berapa lama perlu diambil</i></p> <p>Tempoh biasa rawatan ialah 4-6 minggu dosis dan tempoh rawatan bergantung kepada simptom yang dirawat dan tahap keterukannya. Baca label untuk dosis yang dipreskripsikan oleh doktor. Anda mungkin berasa lebih sihat selepas beberapa hari, tetapi anda perlu terus mengambil tablet itu sehingga tamat siri rawatan yang dipreskripsikan. Simptom anda akan kembali jika anda berhenti rawatan terlalu cepat.</p> <p><i>Jika terlupa mengambil</i></p> <p>Jika anda terlupa mengambil sesuatu dos, tinggalkan dos itu sepenuhnya. Ambil dos yang seterusnya, contohnya aspirin, ibuprofen, naproxen, diclofenac pada masa yang normal. Jika anda mempunyai masalah untuk mengingati pengambilan tablet ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi.</p> <p><i>Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)</i></p> <p>Jika anda mengambil tablet yang terlalu banyak dengan tidak sengaja, sebarang kesan sampingan boleh lebih teruk daripada biasa. Pesakit yang telah mengambil lebih kurang 12 g cimetidine mengalami pertuturan yang tidak jelas, kadar nadi tinggi dan anak mata membesar. Dalam keadaan terlebih dos secara tidak sengaja,</p>	<p><i>Perkara yang tidak boleh dilakukan</i></p> <p>Jangan memiliki tablet bersalut film ini.</p> <p><i>Perkara yang perlu diberi perhatian</i></p> <p>TABLET CIMULCER tidak harus digunakan semasa mengandung dan menyusu. Ia harus diberi dengan berhati-hati dan dalam dosis yang dikurangkan kepada pesakit dengan fungsi renal terjejas.</p> <p><u>Kesan-kesan sampingan</u></p> <p>Cirit-birit yang ringan, sakit otot, pening, dan ruam kulit.</p> <p><u>Cara penyimpanan dan pelupusan TABLET CIMULCER</u></p> <p><i>Penyimpanan</i></p> <p>Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C.</p> <p>Jauhkan ubat daripada kanak-kanak.</p> <p><i>Pelupusan</i></p> <p>5 tahun selepas tarikh pengilangan.</p> <p><u>Maklumat lanjut</u></p> <p><i>Rupa dan warna produk</i></p> <p><u>TABLET CIMULCER 200 mg</u> : Tablet berbentuk bulat, dwicembung, hijau, bersalut film, tertera logo BIOLAB pada satu muka.</p> <p><u>TABLET CIMULCER 400 mg</u> : Tablet berbentuk bujur, dwicembung, hijau, bersalut film, tertera “BIOLAB” pada satu muka dan “400” pada muka lain.</p> <p><u>Bahan-bahan kandungan</u></p> <p>Lactose, Corn starch ,Brilliant blue, Quinoline yellow, Povidone, Docusate sodium, Sodium starch glycolate, Magnesium stearate, Propylene glycol, Hydroxypropyl methylcellulose, Isopropyl alcohol, Carnauba wax dan Purified water.</p> <p><i>NO MAL:</i></p> <p><u>TABLET CIMULCER 200 mg</u> : MAL19921586A</p> <p><u>TABLET CIMULCER 400 mg</u> : MAL19921587A</p> <p><u>Pengilang</u></p> <p>BIOLAB CO., LTD. 625 Bangpoo Industrial Estate Samutprakarn, Thailand.</p> <p><u>Pemegang Autorisasi Pemasaran</u></p> <p>MEDISPEC (M) SDN.BHD</p> <p><u>Tarikh kemas kini</u></p> <p><u>10 November, 2011</u></p>
--	--	---

farmasi jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diperoleh tanpa preskripsi. Terutamanya: Anticoagulant, phenytoin, propranolol, sesetengah benzodiazepine, lidocaine, theophylline, metronidazole dan triamterene.

hubungi bahagian kecemasan di hospital terdekat atau maklumkan doktor serta-merta.

Semasa menggunakan TABLET

CIMULCER

Perkara yang perlu dilakukan

Hubungi doktor jika anda tidak respons terhadap dos biasa ubat ini.